



## Dasar tanggungjawab sosial untuk kesihatan, keselamatan dan hak pekerjaan, dan alam sekitar

Semakan semula Februari 2010\*

Kumpulan Pirelli melaksana dan mendukung pematuhan hak asasi manusia yang diiktiraf antarabangsa. Pirelli menganggap perlindungan integriti, kesihatan dan kebajikan pekerjanya dan alam sekitar sebagai salah satu keperluan utama yang mesti dipenuhi dalam menyusun dan membangunkan aktivitinya.

Aktiviti Kumpulan Pirelli dipandu oleh Kod Etika yang diluluskan Lembaga Pengarah dan mematuhi Model Pemuliharaan yang digariskan dalam Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu yang ditandatangani pada tahun 2004.

Strategi pembangunan mampan Kumpulan mensasarkan pelbagai objektif, termasuk peningkatan berterusan dalam keperluan alam sekitar dan kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang menerima impak aktiviti tersebut, dengan mematuhi ketat dan mendukung "Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Universal," "Organisasi Buruh Antarabangsa" "Rio Declaration on Environment and Development" dan "Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Rasuah."

Untuk mencapai matlamat ini, Kumpulan Pirelli komited terhadap:

- pengurusan aktivitinya dengan menerapkan dasar kesihatan, keselamatan dan hak pekerjaan serta alam sekitar mengikut standard tertinggi antarabangsa;
- penyebaran maklumat kesihatan, keselamatan dan hak pekerjaan serta alam sekitar kepada pemegang kepentingan dalaman dan luaran, melalui komunikasi dengan mereka dan bekerjasama secara aktif dengan badan kerajaan dan akademik di dalam dan luar negara;
- menggalakkan penggunaan teknologi termaju untuk mencapai keunggulan dalam kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta perlindungan alam sekitar;
- menilai dan mengurangkan impak alam sekitar daripada produk dan perkhidmatan sepanjang tempoh kitaran hayat;
- penggunaan sumber bahan secara bertanggungjawab, demi mencapai pertumbuhan mampan yang mengambil kira persekitaran dan hak generasi akan datang;
- tidak menggunakan atau menyokong penggunaan tenaga buruh kanak-kanak dan buruh paksa;
- menjamin peluang sama rata, kebebasan berkesatuhan dan penggalakan pembangunan setiap individu;
- menolak penggunaan hukuman dera, kekerasan mental atau fizikal atau penderaan secara lisan;
- pematuhan kepada undang-undang dan piawaian industri berkaitan mengenai waktu kerja dan memastikan upah memadai untuk memenuhi keperluan asas kakitangan;
- membangun dan menetapkan prosedur sesuai untuk menilai dan memilih pembekal dan subkontraktor berdasarkan komitmen mereka terhadap kebertanggungjawapan sosial dan alam sekitar;
- tidak bertolak ansur dengan rasuah dalam apa juga cara, kaedah atau bentuk dalam mana-mana bidang kuasa, meskipun aktiviti sedemikian dibenarkan, diterima atau tidak menjadi kesalahan;
- melibatkan semua peringkat organisasi dan semua pekerja Kumpulan dengan memastikan tanggungjawab dan prosedur operasi ditakrifkan dengan tepat, disampaikan dengan wajar dan difahami dengan jelas.

Dasar ini boleh didapati umum dan diedarkan kepada semua Syarikat Kumpulan.

Pirelli komited terhadap peningkatan dasar dan program secara berterusan dan terhadap perlaksanaan prosedur, peraturan dan arahan yang dirancang untuk memastikan nilai-nilai murni yang terkandung dalam dasar ini dicerminkan dalam tindakan setiap Syarikat malah dalam tindakan pekerja dan pekerjasamanya.

Pirelli percaya bahawa melalui penerapan dasar ini, ia akan membantu memastikan generasi kini dan akan datang dapat menikmati keadaan dan memperoleh prasarana untuk mutu kehidupan yang lebih baik.

**PENGERUSI**  
**Marco Tronchetti Provera**

\*Dasar ini mengubah dan menggantikan "Dasar: Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar dan Tanggungjawab Sosial (Dasar HSE & CSR)" yang dikeluarkan oleh Pengerusi pada Jun 2004.